NO. SOALAN: 422

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BUKAN LISAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : YB TUAN TEO KOK SEONG
[RASAH]

SOALAN :

Tuan Teo Kok Seong [Rasah] minta PERDANA MENTERI menyatakan :

(a) jumlah pemandu UBER dan GrabCar di seluruh negara; dan

(b) bagaimanakah Kerajaan memastikan keselamatan penumpang dan kepentingan pemandu teksi dan pemandu UBER / GrabCar terjamin.

S1

JAWAPAN: <u>YB DATO' SRI HAJAH NANCY SHUKRI</u>
<u>MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI</u>

Tuan Yang di-Pertua,

1. Pada masa ini, Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) tidak mempunyai maklumat rasmi mengenai data dan bilangan pemandu UBER dan Grab kerana pemandu-pemandu ini masih belum berlesen atau berdaftar sehingga cadangan pindaan kepada Akta Pengangkutan Awam Darat 2010 diluluskan.

Sekian, terima kasih.

SOALAN: 423

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : YANG BERHORMAT TUAN TONY PUA KIAM WEE [PETALING JAYA UTARA]

SOALAN :

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan secara terperinci dengan jadual, pengundi yang layak tetapi belum mendaftar sebagai pengundi mengikut negeri. Apakah sasaran pendaftaran pengundi baru setiap bulan untuk 2017 dan 2018.

JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI DATO' OTHMAN SAID

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah warganegara Malaysia yang berumur 21 tahun dan ke atas yang layak mendaftar tetapi belum mendaftar sebagai pemilih sehingga Daftar Pemilih Suku Tahun Ketiga Tahun 2016 adalah seramai **4,060,339** orang.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, pendaftaran sebagai pemilih merupakan hak individu seseorang warganegara di bawah Perkara 119 Perlembagaan Persekutuan. Oleh yang demikian, adalah sukar bagi SPR untuk meletakkan sasaran pendaftaran pemilih bagi tahun 2017 dan 2018.

Sekian, terima kasih.